

11/06/2004

Jabatan Urologi guna robot bedah pesakit

KUALA LUMPUR: Jabatan Urologi Hospital Kuala Lumpur (HKL), menjadi hospital pertama negara menawarkan perkhidmatan pembedahan robotik yang membolehkan pesakit sembuh dalam tempoh 24 jam.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr Abd Latiff Ahmad, berkata kaedah pembedahan yang dikenali Sistem da Vinci itu dilakukan robot dengan pengendalian pakar bedah dari luar menerusi komputer berskrin 3D.

Beliau berkata, kaedah itu mampu melakukan pembedahan rumit seperti Radical Prostatectomy yang membabitkan pemotongan seluruh kelenjar prostat untuk kanser prostat.

Selain itu, sistem berkenaan boleh digunakan untuk pembedahan jantung, buah pinggang dan organ dalaman yang membabitkan pemotongan dan jahitan yang merumitkan.

"Dengan pembedahan robotik, masa pembedahan dikurangkan kepada separuh, kurang pendarahan serta tanpa sebarang pemindahan darah untuk semua pesakit.

"Pesakit juga sembuh dengan lebih cepat dan boleh dibenarkan pulang seawal 24 jam selepas pembedahan berbanding pembedahan kaedah pemotongan kulit yang mengambil masa sehingga 10 hari," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Robotik Surgeri di Jabatan Urologi di HKL di sini, semalam.

Sejak alat itu ditempatkan di jabatan berkenaan pada Mac lalu, Ketua Jabatan dan Pakar Perunding Kanan Urologi HKL, Dr Sahabudin Raja Mohamed berjaya menjalankan 10 pembedahan menggunakan sistem itu.

Sembilan daripada kes itu membabitkan Radical Prostatectomy untuk kanser prostat dan satu kes pyeloplasti untuk sumbatan Pelviureteric Junction (PUJ).

Ketika ini, ada 13 lagi pesakit yang bakal menjalani pembedahan itu.

Dr Abd Latiff berkata, Kementerian Kesihatan membeli dua robot berharga RM5 juta seunit dan setiap satu ditempatkan di HKL dan Hospital Sultanah Aminah (HSA), Johor Bahru. Pesakit hanya dikenakan bayaran RM500.

"HKL mengenakan yuran termurah di dunia bagi pembedahan robotik berbanding Singapura dan Amerika Syarikat yang masing-masing mengenakan RM33,000 (\$15,000) dan RM152,000 (AS\$40,000).

"Ini adalah teknologi terancang dan kita adalah negara kedua di Asia Tenggara yang mempelopori bidang ini selepas Singapura," katanya.

Katanya, pembelian dua robot itu adalah visi bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad untuk perkhidmatan 'Telemedicine' bersesuaian dengan paradigma untuk memupuk masyarakat yang sihat.

Kedah Pembedahan Robotik itu pernah di transmisi dari Maine, Jerman yang menjadi acara kemuncak Kongres Urologi Asia (ACU) ke-6 di Kuala Lumpur dua tahun lalu.

(END)